Masih ramai masyarakat belum dapat kerakyatan

MEREKA hanya masyarakat minoriti, tetapi mempunyai peranan besar dalam menggerakkan pelbagai sektor profesional di negara ini terutama dalam bidang perubatan dan undang-undang. Malah, masyarakat Bengalee yang kurang dikenali selama ini sudah sekian lama mendapat kepercayaan British untuk menjalankan tugas profesional di kebanyakan estet sekitar Negeri Sembilan.

Oleh kerana itu, kebanyakan masyarakat Bengalee tidak ada di kawasan pedalaman. Meskipun sejarah menunjukkan mereka pada awalnya mendiami kawasan estet sebagai pegawai pentadbiran dan dalam bidang profesional lain, keupayaan masyarakat ini untuk bertapak kukuh dalam pelbagai bidang kerjaya membolehkan mereka kini lebih ramai tinggal di bandar besar terutama Kuala Lumpur.

ANTARA koleksi gambar lama generasi pertama Bengalee di Malaysia.

Majoriti Bengalee dibawa British ke

Generasi pertama dari Bengal Timur diambil berkhidmat sebaga

Misteri Etnik

Azrul Affendy Sobry

azr@bharian.com.my

Siri 2

"Jika adapun, jumlah mereka yang masuk pada 1907 sangat kurang. Malah, mereka tidak terus tinggal di sini. Selepas 1925 baru orang Bengalee masuk dan terus menetap di sini kerana ketika itu kami dibawa masuk secara rasmi oleh British untuk berkhidmat di estet sama ada sebagai doktor, jurutera dan pentadbir.

"Tidak ada seorangpun orang Benga-

ada juga orang Bengalee yang sudah masuk ke Pulau Pinang dan Singapura sebagai pekerja kapal dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris. Ia hanya cerita lisan yang tidak disokong dengan bukti sejarah. Kerana itulah, masyarakat kami lebih selesa mengatakan Saroja Nath sebagai Bengalee pertama dibawa masuk ke sini dan punca perkembangan masyarakat ini di Malaysia.

Lumpur.

Dengan jumlah keseluruhan tidak sampai 300 keluarga, masih ramai sebenarnya masyarakat ini yang belum mendapat hak kerakyatan kerana masih berlaku proses perkahwinan dengan warga India disebabkan wujudnya larangan berkahwin sesama saudara mara dalam masyarakat ini.

Mereka masih terlalu baru di negara ini berbanding masyarakat lain yang mempunyai sejarah lebih ratusan tahun. Bengalee boleh dikatakan tidak sampai 100 tahun menjadi rakyat negara ini dan masih mempunyai hubungan rapat dengan rakyat India terutama di sekitar Benggala Barat.

Namun, disebabkan mereka adalah golongan profesional, mereka sudah mampu memiliki tanah yang agak luas di sekitar Negeri Sembilan termasuk satu tempat perhimpunan dengan keluasan lebih tiga ekar di Port Dickson yang kini khusus sebagai lokasi utama perhimpunan semua anggota masyarakat itu.

Sukar sebenarnya memperincikan keunikan masyarakat beragama Hindu ini kerana mereka bukan lagi hidup tertumpu dalam satu kawasan yang sama seperti kebanyakan etnik lain. Namun, disebabkan masih ramai dalam masyarakat ini yang dibawa masuk dari India selepas berkahwin dengan lelaki Bengalee di sini, kebudayaan dan cara hidup asal mereka di India masih dapat dilihat di sini.

Apapun, meskipun dianggap generasi moden, masyarakat ini masih kaya dan aktif mempertahankan seni budaya. Ia ada kaitan dengan tokoh masyarakat itu dari Benggala Barat, Rabindranath Tagore, seorang penerima anugerah Nobel atas sebagai aktivis seni.

Kini, dalam kepayahan mereka mempertahankan budaya itu, Persatuan Bengalee Malaysia, di bawah pimpinan Presidennya, Prodeep Kumar Roy, terus menjalankan pelbagai aktiviti di Rumah Bengalee Port Dickson, selain turut menjalankan aktiviti kesenian setiap minggu di sekitar Kelana Jaya yang kini menjadi antara lokasi penempatan paling ramai komuniti masyarakat itu. – Bersambung esok

MASYARAKAT Bengalee di negara ini kebanyakannya berasal dari Bengal Timur yang sudah mencapai kemerdekaan sebagai Bangladesh sejak 1971. Darah keturunan mereka bermula di wilayah itu sebelum akhirnya berpindah ke Bengal Barat kerana Bangladesh dimonopoli orang Bengalee beragama Islam.

Malah, hingga kini, masyarakat Bengalee di Malaysia mengakui keturunan mereka sama dengan orang Bangla dan menggunakan bahasa sama, cuma mereka menganuti agama berbeza. Bengalee di negara ini menganut Hindu dan sudah membentuk keturunan baru di Bengal Barat.

Masyarakat Bengalee di negara ini dianggap masih baru kerana sejak berhijrah ke negara ini sejak awal 1920-an, terdapat generasi pertama yang masih hidup dan tinggal di beberapa kawasan sekitar Negeri Sembilan, tempat pertama orang Bengalee dibawa masuk untuk bekerja di estet sebagai kakitangan pentadbiran.

"Saya generasi kedua. Bapa saya dulu masuk ke Malaysia, bekerja di Dunlop Malaya Estate pada 1925. Ketika itu tidak ramai orang Bengalee di sini. Difahamkan ada yang lebih awal iaitu seawal 1907, tetapi tidak ada sejarah khusus mencatatkan mengenai mereka.

Tidak ada seorangpun orang Bengalee masuk sebagai buruh. Semuanya profesional. Ini kerana dalam kebanyakan masyarakat Bengalee yang berpendidikan tinggi di India terpaksa memilih untuk berhijrah ke negara lain termasuk Tanah Melayu kerana peluang pekerjaan lebih luas," kata generasi kedua Bengalee, M R Sen Gupta, 76.

Estet di Bahau adalah lokasi pertama kemasukan orang Bengalee termasuk di Estet Guthrie dan Sungai Gadud. Ketika itu dikatakan tidak sampai seribu orang Bengalee dibawa masuk ke Negeri Sembilan dengan semuanya lelaki. Selepas mendapati kehidupan di sini lebih stabil, mereka pulang ke India untuk membawa masuk isteri bersama.

Memperincikan sejarah kemasukan Bengalee ke Tanah Melayu, bekas Presiden Persatuan Bengalee Malaysia, Dilip Kumar Bardhan, berkata dalam rekod, orang Bengalee pertama masuk pada 1907 ialah Dr Saroja Nath Bardhan iaitu di Singapura.

Dikatakan beliau adalah orang pertama yang dibawa masuk secara rasmi oleh British untuk bekerja dalam sektor perkhidmatan profesional. Pekerjaan pertamanya ialah di Jabatan Perubatan di Singapura. Beliau juga dikatakan kakitangan awam Bengalee pertama yang berkhidmat dengan British di Malaysia.

"Pada penghujung 1800, difahamkan

PUSAT aktiviti masyarakat Bengalee di Port Dickson dibina hasil sumbangan komuniti.

"Selepas mendapati kualiti hidup di sini lebih terjamin, beliau menjemput lebih ramai saudara-mara untuk berhijrah ke Tanah Melayu. Semua mereka tertumpu di estet. Melalui beliaulah, ayah saya masuk, begitu juga saudara mara lain. Kerana itulah kebanyakan orang Bengalee di sini ada hubungan saudara.

"Pada 1927, beberapa orang generasi pertama Bengalee mengadakan satu mesyuarat khusus di Rembau untuk menggerakkan komuniti khusus bagi menyatu dan menggerakkan aktiviti orang Bengalee kerana menyedari semakin ramai orang Bengalee sudah ada di Negeri Sembilan dan Melaka.

"Dalam perjumpaan itu yang dihadiri Dr B C Majunder , Dr D C Majunder, A K Majunder, M L Dhutta, M L Dhutta dan P L Dhutta, B C Majunder dilantik sebagai pengerusi komuniti, sekadar untuk memastikan perayaan Durga Puja (perayaan khas Bengalee) dapat dijalankan secara teratur," katanya ketika ditemui di Seremban.

Pada 1934, menyedari pentingnya komuniti itu mempunyai tanah sendiri untuk menjalankan aktiviti mereka, satu perjumpaan khusus diadakan pada 1934 yang sepakat melantik U C Dass sebagai pengerusi baru. Kesepakatan dibuat untuk membeli tanah seluas empat ekar di Bukit Nanas.

"Mereka berjaya mengumpulkan sebanyak RM17,000, satu jumlah yang sangat besar ketika itu. Penyumbang terbesar ialah sebanyak RM500, juga sangat besar ketika itu. Semua duit itu digunakan untuk membeli tanah, tetapi sayangnya tidak dapat digunakan.

"Banyak masalah sebenarnya kerana perayaan kami sebaiknya dibuat di tepi laut kerana ada simboliknya. Bukit Nanas jauh dari laut. Pada 1956, satu mesyuarat dibuat dan diputuskan untuk menukar tanah di Bukit Nanas dengan sebuah tanah seluas 3.4 ekar di Port Dickson milik keluarga Lee, di Kuala Pilah dan kami diberi bayaran tambahan sebanyak RM8,000.

"Pertukaran itu memang dianggap berbaloi kerana setahun selepas itu kami berjaya meraikan perayaan pertama iaitu Kali Puja di tanah itu. Dari situlah

Malaysia kerja di estet

B/H 16/5/2011

ai profesional seperti doktor, jurutera MS 1/24/25.

Tidak ada seorangpun orang Bengalee masuk sebagai buruh. Semuanya profesional. Kebanyakan masyarakat Bengalee yang berpendidikan tinggi di India berhijrah ke negara lain termasuk Tanah Melayu kerana peluang pekerjaan yang luas

M R Sen Gupta
Generasi kedua Bengalee

MASYARAKAT Bengalee mengadakan persembahan sempena meraikan ulang tahun ke-150 Rabindranath Tagore.

bermulanya pergerakan secara aktif Persatuan Bengalee Malaysia meskipun ia secara rasmi sudah didaftarkan pada 1952, persatuan kedua tertua di negara ini, diketuai H K Chaudhury sebagai Presiden pertama," tambahnya yang pernah 18 tahun berkhidmat sebagai Presiden.

Menjadikan masyarakat Bengalee negara ini lebih berbangga ialah persatuan itu dikatakan pemilik aset terbesar di luar India berbanding persatuan Bengalee di negara lain seluruh dunia. Ia sekali gus membuktikan masyarakat itu di negara ini tergolong dalam kategori etnik dengan taraf hidup tinggi.

Memperincikan lagi, Dilip Kumar berkata, sejak pembukaan estet pertama oleh J B Dunlop, orang Bengalee sudah dibawa masuk untuk bekerja di ladang, tetapi tidak ada seorangpun yang menjadi buruh atau pekerja kelas bawahan. Mereka menjalankan tugas pentadbiran dan pengurusan perladangan.

"Sebenarnya British bukanlah membawa masuk semua generasi pertama orang Bengalee. Kebanyakannya masuk kerana dijemput oleh rakan lain di sini. Malah, jika dirujuk kepada sejarah, hanya Saroja Nath Bardhan dibawa masuk secara rasmi oleh British. Selepas itu, baru kemasukan orang Bengalee lebih ramai," tambahnya.

Katanya, masyarakat Bengalee di Malaysia berpunca daripada beberapa kasta dari India dengan paling ramai ialah golongan Brahmin dan Kshatriyas. Turut sebahagiannya datang daripada kasta Vadyas dan Sudras. Mereka mempunyai darah keturunan Aryan, sama seperti beberapa masyarakat lain di India termasuk dari Pakistan.

Sebenarnya British bukanlah membawa semua generasi pertama orang Bengalee. Kebanyakannya masuk kerana dijemput rakan lain di sini. Malah, jika dirujuk kepada sejarah, hanya Saroja Nath Bardhan dibawa masuk secara rasmi oleh British.

Dilip Kumar Bardhan
Bekas Presiden Persatuan Bengalee Malaysia